



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 11/ 2017/2018**

TARIKH : **24 JULAI 2018 (SELASA)**
MASA : **8:30 PAGI**
TEMPAT : **i) BILIK MESYUARAT 3, ARAS 3 SPS, UTM JB**
ii) BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT 8, MENARA RAZAK, UTM KL

BIL	KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Zaidatun binti Tasir	Pengerusi, Sekolah Pengajian Siswazah (Cuti Sabatikal)	*9/9
2.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina binti Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah /Pengerusi	11/11
3.	Prof. Madya Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman	Fakulti Kejuruteraan Awam	1/1
4.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM)	6/11
5.	Prof Madya Dr. Mohamed Afendi Mohamed Piah	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)	1/1
6.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT)	4/11
7.	Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati binti Abang Jawawi	Sekolah Komputeran (SK)	6/11
8.	Prof. Madya Dr. Razali Bin Adul Hamid	Fakulti Alam Bina & Ukur (FABU)	4/11
9.	Prof. Madya Dr. Ahmad bin Jusoh	Azman Hashim Business School (AHIBS)	
10.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin bin Jamaludin	Bahagian Kemasukan dan Pengambilan (SRAD)	1/1
11.	En. Asram bin Sulaiman @ Saim	Fakulti Kejuruteraan	4/11
12.	Pn. Nurazlyna binti Majid	Fakulti Kejuruteraan	1/1
13.	Pn. Syahida Fadilla binti Majid	Fakulti Sains (FS)	1/1
14.	Pn. Sumi binti Isman	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	1/1
15.	Cik Hazlina binti Stam	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)	1/1
16.	En. Mohd. Syazli bin Md. Tahir	UTM International	1/1
17.	En. Mohd. Fadzilah bin Abdullah	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	1/1
18.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin bin Zainuddin	Bahagian Kemasukan &Pengambilan (SRAD)	4/11
19.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	11/11
20.	En. Mohd Zaires bin Md Daris	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1
21.	Pn. Nur Hakimi binti Karsono	Sekolah Pengajian Siswazah	11/11

BIL	KEHADIRAN UTM KL	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Astuty binti Amrin	Sekolah Pengajian Siswazah	10/11
2.	Dr. Siti Sophiayati binti Yuhaniz	Sekolah Pengajian Siswazah	3/4

3.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	Fakulti Kejuruteraan dan Informatik RAZAK (FTIR)	3/9
4.	Prof. Madya Dr. Rohaida binti Basiruddin	Azman Hashim Business School (AHIBS)	1/1
5.	Prof. Madya Dr. Nor Azwadi bin Che Sidik	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)	1/1
6.	En. Zurik Azaham bin Aris	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)	1/1
7.	En. Nasir bin Osman	Fakulti Kejuruteraan dan Informatik RAZAK (FTIR)	1/1
8.	Pn. Nurul Ain binti Mod. Yunos	Fakulti Kejuruteraan dan Informatik RAZAK (FTIR)	1/1
9.	Pn. Norharyani binti Hamid	Azman Hashim Business School (AHIBS)	1/1

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Kahar bin Osman	Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBME)	2/11
2.	Prof. Dr. Mohd Rosli bin Hainin	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)	0/1
3.	Dr. Abdul Rahim bin Haji Salam	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)	0/1
4.	Prof Madya Dr. Fadhilah Yusof	Fakulti Sains (FS)	0/1
5.	Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil	Bahagian Kemasukan & Pengambilan (SRAD)	0/1
6.	Prof. Madya Ir. Dr. Hayati binti Abdullah	UTMLead	0/1
7.	Pn. Nor Qamariah binti Othman	Azman Hashim Business School (AHIBS)	0/1

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Pn. Hjh. Nor Azlinda binti Abu Bakar	AMD
2.	Pn. Intan Shahnaz binti Zulkifli	AMD
3.	Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan	SPS
4.	Pn. Farhana binti Ayub	Urusetia
5.	Pn. Masliyana binti Khalid	Urusetia
6.	Pn. Huzaimah binti Yahya	Urusetia
7.	Pn. Noraliza binti Tasiran	Urusetia

1.0 ALUAN Pengerusi Sekolah Pengajian Siswazah

1.1 Sinergi 4.0

Pengerusi Sekolah Pengajian Siswazah mengucapkan tahniah di atas pelantikan semua Ahli sebagai Ahli JAPSU. Jawatan ini akan disandang oleh ahli yang telah dilantik berkuatkuasa dari 1 Julai 2018 sehingga 30 Jun 2021 atau sehingga tamat tempoh perkhidmatan sebagai jawatan pentadbiran. Dekan turut memaklumkan pertukaran nama jawatan Dekan

SPS kepada Pengerusi SPS dan Timbalan Dekan SPS kepada Timbalan Pengerusi selepas Sinergi 4.0.

Ucapan tahniah juga disampaikan untuk Dekan-dekan fakulti yang dilantik selaras dengan Sinergi 4.0. Turut dimaklumkan adalah tentang pengurusan pascasiswazah akan dipusatkan di bawah fakulti. Beliau juga memaklumkan bahawa SPS akan menyerahkan proses JAPSU ke fakulti seperti yang dipersetujui oleh TNCA. Proses JAPSU ini dilaksanakan dahulu di Fakulti Kejuruteraan pada bulan September 2018.

Makluman : Semua

1.2 Perancangan Pengurusan Akademik

Pengerusi SPS memaklumkan Mesyuarat JKA (JKAF) akan dilaksanakan di fakulti pada setiap bulan dan mesyuarat tersebut akan dihadiri bersama oleh wakil dari SPS yang terdiri dari Timbalan-timbalan Pengerusi dan Timbalan Pendaftar. Perkara ini juga akan dilaksanakan di UTMKL. Semua hasil dari mesyuarat JKA fakulti (JKAF) akan dibentangkan oleh Timbalan Pendaftar setiap Sekolah di dalam Mesyuarat JAPSU.

Berikut merupakan wakil SPS yang menghadiri JKA Fakulti:

FABU & FS – Prof. Madya Dr. Noor Hazarina bt Hashim

FSSK & Kejuruteraan – Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali

UTMKL – Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin / Dr. Siti Sophiyati bt Yuhaniz

Tindakan : Urusetia SPS

1.3 Dokumen Notis Hantar Tesis dan Minit Bebas

Pengerusi SPS memaklumkan bahawa semua dokumen NHT dan minit bebas boleh diluluskan diperingkat JKA fakulti dengan kehadiran Pengerusi/Timbalan Pengerusi/Timbalan Pendaftar SPS. Semua pelantikan Penilai Dalam dan Penilai Luar dan juga status peperiksaan dari “A” kepada “V” dilaksanakan sendiri oleh fakulti.

Tindakan : Semua Fakulti

1.4 Pengisian M3

Pengerusi SPS mencadangkan agar M3 kerja kursus tidak dihantar ke fakulti dan hanya diproses terus oleh pihak SRAD mengikut kelayakan. Sekiranya CGPA tidak memenuhi syarat barulah permohonan tersebut akan dihantar ke fakulti untuk tindakan selanjutnya.

Makluman : Semua

1.5 Perubahan Format Bahagian Muka Tajuk Tesis

Satu pekeliling perubahan format tesis di bahagian muka tajuk tesis telah dikeluarkan oleh pihak SPS pada 10 Julai 2018. Sehubungan dengan itu,

pemakaian format ini adalah serta merta dan perlu diemalkan ke akademik.net untuk pemakaian menyeluruh.

Tindakan : Urusetia SPS

1.6 Struktur Organisasi PGSS Selaras Dengan Sinergi 4.0

Selaras dengan sinergi 4, PGSS akan dikecilkan mengikut fakulti. Bilangan terkini ialah sembilan di UTMJB dan satu di UTMKL. Timbalan Dekan (Akademik & HEP) atau Timbalan Pengerusi akan menerima pencalonan Pengerusi PGSS di kalangan pelajar, dan dicadangkan pencalonan sebagai Penasihat diberikan kepada staf akademik. Ini juga boleh dikategorikan sebagai kursus pembangunan pelajar.

Makluman : Semua

1.7 Analisis Faktor Kelewatan Graduan @ Tidak GOT

Pengerusi SPS memaklumkan bahawa terdapat beberapa faktor yang melambatkan atau merendahkan graduan GOT seperti masalah kurang perhatian dalam pengurusan viva di fakulti. Sehubungan itu, fakulti perlu sentiasa menjalankan audit bagi memastikan pelajar yang layak untuk graduan/got dipantau dan diuruskan dengan kadar segera

Tindakan : Semua Fakulti

1.8 Panduan Pembelian Tiket Penerbangan

Puan Anis Syahira binti Zulkifli, Pegawai Penyelidik SPS telah membentangkan tentang panduan pembelian tiket penerbangan untuk pengurusan viva di fakulti. Fakulti dinasihatkan untuk merancang pembelian tiket penerbangan agar tidak membuat pembelian tiket di saat akhir yang mahal. Fakulti disarankan untuk membuat semakan harga tiket di setiap laman web syarikat penerbangan sebelum membuat keputusan. Pengerusi meminta semua pihak menimbang tara harga tiket penerbangan agar ianya tidak terlalu mahal dan tempat duduk yang ditempah memberi keselesaan kepada pemeriksa.

Makluman : Semua

2.0 ALUAN Pengerusi Mesyuarat

2.1 Perangkaan Graduan GOT PhD 2018

Sehingga Julai 2018 sasaran graduan PhD yang GOT seramai 337.

Makluman: Semua

2.2 Anugerah Akademik 2018

Permohonan daripada pelajar secara atas talian (GAMS) telah dibuka bermula daripada 21 Mei 2018 sehinga 13 September 2018. Pengesahan penyelia untuk permohonan pelajar pula akan bermula dari 1 Jun sehingga 16 September 2018. Tarikh tutup pencalonan adalah pada 16 September 2018 jam 12.00 malam. Sehubungan itu, fakulti diminta untuk menyebarkan makluman berkenaan Anugerah Akademik ini dan

memastikan pelajar yang telah menghantar tesis hardcover untuk memohon.

Makluman : Semua

2.3 Perancangan Penawaran Biasiswa

Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa Biasiswa MyBrain15 kini berada dalam status "*hold*" di pihak KPT kerana peralihan kuasa tampuk pemerintahan pada PRU yang lalu. Sehingga kini , pihak SPS dan UTM masih menunggu jawapan rasmi dari KPT.

Pengerusi mesyuarat turut memaklumkan bahawa penawaran Zamalah hanya boleh ditawarkan kepada 10 pelajar sahaja bagi sesi bagi 2018/2019. Untuk mendapatkan biasiswa ini pelajar perlu menduduki sesi temuduga dan syarat-syarat permohonan boleh didapati di dalam website SPS.

Makluman : Semua

2.4 Roadshow Pengurusan 4.0

SPS akan mengadakan *roadshow* / Bengkel Pengurusan Akademik Sinergi 4.0 ke fakulti-fakulti bermula dari 7 Ogos 2018 sehingga 14 Ogos 2018. *Roadshow* ini adalah bagi mensasarkan staf yang terlibat secara langsung pengurusan pasca siswazah di fakulti-fakulti. Fakulti diminta untuk memberikan kerjasama untuk memastikan kelancaran *roadshow* yang akan dijalankan.

Tindakan : Urusetia SPS

2.5 Pelantikan Pemeriksa Tesis

Fakulti diminta menyemak terlebih dahulu sebelum membuat pelantikan pemeriksa luar sebelum dibawa dan diluluskan di mesyuarat JKA fakulti dan JAPSU. Ini kerana terdapat kes dimana pelantikan panel penilai telah bersara tetapi masih dilantik oleh fakulti sebagai pemeriksa luar.

Tindakan : Semua Fakulti

2.6 Permohonan Notis Hantar Tesis

Pengerusi memaklumkan bahawa permohonan NHT hanya dibenarkan selama 1 tahun sahaja. Sekiranya NHT melebihi masa tersebut perlu memaklumkan kepada pihak SPS untuk tujuan *reset* permohonan tersebut. Permohonan yang telah di *reset* akan melalui proses standard kembali.

Makluman : Semua

3.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 10/2017/2018

Minit Mesyuarat JAPSU bil 10/2017/2018 diluluskan dengan sebulat suara.

Makluman: Semua

4.0 PERKARA BERBANGKIT

4.1 Perkara 5.2 Laporan Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)

SRAD memaklumkan bahawa kertas kerja bagi kod R untuk pelajar *remote* telah dibincangkan bersama CICT tetapi masih belum dapat digunakan lagi. Walau bagaimanapun satu perbandingan akan dibuat dengan Universiti-universiti lain berkaitan perkara ini dan masih dalam tindakan SRAD.

Makluman: Semua

5.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

- 5.1 AMD memaklumkan bahawa maklumat berkenaan urusan pendaftaran, peperiksaan dan pengijazahan semester 2018/2019 telah diedarkan dan semua fakulti dikehendaki memuatnaik maklumat tersebut ke laman web fakulti masing-masing.
- 5.2 Pihak AMD turut memaklumkan bahawa borang penangguhan pengajian yang baharu telah dikeluarkan oleh pihak AMD dan setiap permohonan penangguhan pengajian perlu disertakan surat sokongan dari Doktor atau majikan masing-masing. Bagi pelajar antarabangsa, mereka perlu mendapat surat sokongan dari pihak UTMI sekiranya ingin memohon untuk penangguhan pengajian.
- 5.3 Bagi pembentangan peperiksaan di dalam Mesyuarat JKTS (P&P) yang akan datang, dokumen yang akan dibentangkan perlu ditandatangani oleh Dekan fakulti.

Makluman : Semua

6.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

6.1 Kemasukkan Pelajar Sem 1 2018/2019

SRAD memaklumkan bahawa dijangkakan pada bulan September 2018 seramai 800 pelajar akan mendaftar sebagai pelajar baharu di UTM. Walau bagaimanapun, kemasukkan bagi pelajar antarabangsa agak berkurangan berbanding semester sebelumnya.

Makluman : Semua

6.2 Post-Graduate Information Day

Dimaklumkan bahawa Hari Informasi di UTMKL akan diadakan pada 5 Ogos 2018 manakala di UTMJB akan diadakan pada 12 Ogos 2018. SRAD telah mengiklankan penawaran pengecualian bayaran proses dan diskaun sebanyak RM500 (*earlybird*) bagi yang membayar yuran penuh untuk satu semester.

Makluman : Semua

7.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

7.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Kejuruteraan iaitu seramai 28 orang pelajar.

Makluman : Semua

7.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Dan Teknologi iaitu seramai 14 orang pelajar.

Makluman : Semua

7.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Sosial iaitu seramai 13 orang pelajar.

Makluman : Semua

8.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA

8.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Kejuruteraan iaitu seramai 30 orang pelajar.

Makluman : Semua

8.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Dan Teknologi iaitu seramai 10 orang pelajar.

Makluman : Semua

8.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Sosial iaitu seramai 5 orang pelajar.

Makluman : Semua

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis seperti berikut:

- 9.1. **NORHAIDAH BINTI MOHD ASRAH (PS113072) sehingga 19 Jun 2019**
- 9.2. **NOR HAFIZAH BT AHMAD KAILANI (PS133048) sehingga 26 April 2019**
- 9.3. **MOUBACHIR MADANI FADOUL (PE133015) sehingga 23 Julai 2019**
- 9.4. **MUHAMMAD MAHFUZ BIN ZAINUDDIN (MCS143003) sehingga 27 Mac 2019**
- 9.5. **LIZA @ SRI REDZEKI BINTI MOHD ANUAR (PD103002) sehingga 22 Ogos 2019**
- 9.6. **NOOR'AIN BINTI ZAINAL ABIDIN (PD133006) sehingga 19 Jun 2019**
- 9.7. **SHAHAB REZAIAN (PN123011) sehingga 23 Julai 2019**

9.8. JAAFAR SHAYAN (PN133025) sehingga 23 Julai 2019

Makluman : Semua

10.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis dan Pelantikan Panel Baharu seperti berikut:

- 10.1 **KHO PUI KIM (PS103066)**
- 10.2 **FAREH NUNIZAWATI BT DAUD @ ABDULLAH (PQ093030)**
- 10.3 **SUHAILA BINTI BORHAMDIN (PS113091)**
- 10.4 **NUR HUSNA BT HARON NARASHID (MMB143010)**
- 10.5 **MUHAMMAD AFIQ BIN KHIR ANUAR (MMB143016)**
- 10.6 **SOMIA ALFATIH MOHAMED SAEED (PD133005)**
- 10.7 **MUHAMMAD SHAHRUL AZWAN BIN RAMLI (MKE143021)**
- 10.8 **YASMIN BINTI HANAFI Z Aid (PP113038)**
Perlu melantik 2 Penilai Luar kerana pelajar adalah staf UTM.

10.9 NUR'AIN BINTI BAHARIN (PP093076)

Makluman : Semua

11.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelantikan Panel Pemeriksa Baharu seperti berikut:

11.1 KEW SI NA (PPP153057)

Makluman : Semua

12.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelanjutan Tempoh Pembetulan seperti berikut:

- 12.1 **SHARIHA BINTI JUSOH (PS093145) sehingga 5 Januari 2019.**
- 11.2 **NOR FARADILLA BINTI ROSLAN (MS133007) sehingga 14 September 2018.**
- 11.3 **HAZIDATUL AKMA BINTI HAMLAN (MSC143024) sehingga 17 September 2018.**
- 11.4 **MUHAMMAD RIDDUAN BIN RAMLI (MKE153018) sehingga 23 Ogos 2019.**
- 11.5 **SAIPOL HADI BIN HASIM (PE113033) pelajar telah menghantar tesis.**

13.0 PERMOHONAN PENGECUALIAN/PENGURANGAN YURAN

Mesyuarat meluluskan permohonan pengecualian yuran staf seperti berikut:

13.1 PENGECUALIAN YURAN BAGI PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH

13.1.1 Norliyana Binti Zakaria PHA173020

Makluman : Semua

13.2 PENGECUALIAN YURAN BAGI PERINGKAT SARJANA FALSAFAH

13.2.1 Syed Mohd Anwar Alhabshi Bin Syed Hamed MCS141006

Makluman : Semua

13.3 PENGURANGAN YURAN BAGI ANAK/PASANGAN STAF

Mesyuarat turut meluluskan permohonan pengecualian yuran bagi anak/pasangan staf seperti berikut:

13.1.1 Mohd Suardi Bin Suhaimi PK113105

13.1.2 Shahirah Raiyan Binti Saleh MKK163061

Makluman : Semua

14.0 HAL-HAL LAIN

14.1 Program Pesisir & Khas

14.1.1. Jadual Peperiksaan Semester Pendek

Timbalan Pengerusi (Program Pesisir & Khas), SPS memaklumkan bahawa unit Pesisir SPS dalam proses penyediaan jadual peperiksaan akhir bagi semester pendek. Fakulti diingatkan untuk menyerahkan tnetatif jadual kepada pihak urusetia dengan kadar yang segera untuk proses selanjutnya.

Tindakan : Semua Fakulti

14.1.2. Jadual Kelas Sesi 2018/2019

Timbalan Pengerusi (Program Pesisir & Khas), SPS turut memaklumkan bahawa Unit Pesisir SPS akan menghantar email kepada fakulti berkenaan dengan *template* jadual kelas baharu bagi sesi 2018/2019. Fakulti diminta menyemak dan memberi maklumbalas emel tersebut sebelum 31 Julai 2018. Ini adalah kerana terdapat isu fakulti menghantar maklumbalas yang lewat menyebabkan penyelia mendapat 8 pelajar dibawah seliaannya.

Tindakan : Semua Fakulti

14.2 APAR dan APAER

Timbalan Dekan (Pembangunan Profesional & Sistem), SPS juga memaklumkan bahawa QRIM sedang dalam proses mengumpulkan maklumat APAR & APAER dan meminta pihak SPS untuk turut membantu mengumpul maklumat bagi program Penyelidikan. Maklumat tersebut hendaklah dikemukakan ke pihak QRIM pada 16 Ogos 2018. Sehubungan dengan itu, pihak SPS akan membuat satu taklimat kepada semua fakulti. Maklumat akan diwar-warkan di dalam masa terdekat.

Tindakan : Urusetia SPS

15.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.30 petang dengan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Semakan Kedua:

**PUAN NORALIZA
BT TASIRAN**

Setiausaha Pejabat
Sekolah Pengajian
Siswazah

**PN. FARHANA BT
AYUB**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan
Akademik & Kualiti
Sekolah Pengajian
Siswazah

**EN. MOHD ZAIRES
BIN MD DARIS**

Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian
Siswazah